

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR
MAKIN@MARCUS MOJINGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 15 MAC 2017

SOALAN :

YB DATUK DR. MAKIN@MARCUS MOJINGOH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) Apa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas projek-projek yang terbengkalai serta projek-projek yang tidak mengikut skop kerja yang telah ditetapkan (seperti mana terkandung dalam Laporan Audit Negara); dan
- b) Jumlah kerugian yang telah ditanggung oleh Kerajaan akibat ke tidak bertanggung jawapan oleh pihak pelaksana serta jenis tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang terbabit.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius ke atas setiap isu atau hal berkaitan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan ini terbukti dengan adanya beberapa siri tindakan susulan seperti tindakan ke atas pegawai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, bagi projek-projek yang dilaporkan di dalam LKAN 2015 (siri 1 dan 2), tindakan susulan adalah seperti berikut:

- i) Kerajaan telah menamatkan kontraktor yang gagal menyiapkan projek dan melantik kontraktor penyiap yang berwibawa untuk menyiapkan baki kerja projek-projek tersebut;
- ii) Semua kerja-kerja pembaikan untuk kualiti kerja yang tidak memuaskan atau tidak mengikut ketetapan spesifikasi asal, telah dilaksanakan penambahbaikan dan dipertingkatkan kualiti seperti yang diarahkan;
- iii) Pegawai penguasa projek/ pegawai pemantau projek telah meningkatkan kawalan pengurusan kualiti projek di tapak bina dan memastikan pihak kontraktor mematuhi semua standard spesifikasi yang telah ditetapkan;
- iv) Firma perunding yang di dapati tidak memberikan perkhidmatan yang baik telah dilaporkan kepada Badan Lembaga Profesional masing-masing untuk dikenakan tindakan; dan

- v) Pihak Kerajaan telah menambah baik tatacara pengurusan Lanjutan Masa (EOT).

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada tindakan yang tersebut di atas, Kerajaan juga telah mengambil pelbagai inisiatif sistem pemantauan dan penyelarasan projek-projek Kerajaan dengan menyediakan pelbagai *platform* bagi penyelesaian masalah yang berkaitan (seperti kelewatan penyiapan projek) melalui mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN) yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara, *National Development Project Intervention Committee* (NDPIC) dan Majlis Tindakan Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bagi memastikan projek berkaitan dapat disiapkan.

Hasil siasatan dan penemuan LKAN semenjak tahun 2012 sehingga tahun 2015, pihak Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa siasatan dan pegawai-pegawai yang di dapati cuai di dalam melaksanakan tanggungjawab, mereka telah dikenakan tindakan. Sehingga 20 Februari 2017, seramai 154 pegawai telah dikenakan hukuman-hukuman seperti amaran, denda, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat, buang kerja dan surcaj.

Sekian, terima kasih.